

04/10/2002

Simpanan di bank Swiss (HL)

Kadir Dikoh

MELAKA, Khamis - Kerajaan sedia bertindak terhadap mana-mana individu negara ini yang didapati memiliki deposit wang haram dalam akaun di bank-bank Switzerland, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak mempunyai halangan jika polis atau Badan Pencegah Rasuah (BPR) membongkar kes seumpama itu supaya mereka yang terbabit dibawa ke muka pengadilan.

"Tak apa, kita tak rasa takut. Akaun sesiapa pun kalau ada yang salah, kalau dapat didedahkan, sila," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Konvensyen Dunia Melayu Islam Ketiga di Riviera Bay Resort, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan siasatan BPR yang mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Kerajaan Switzerland, turut membabitkan kes lain selain berkaitan syarikat keluli, Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja).

Hari ini, Berita Harian melaporkan Malaysia mendapat kerjasama amat baik daripada pihak berkuasa Bern berkisar kepada maklumat akaun rakyat negara ini dalam bank Swiss.

Laporan itu memetik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim sebagai berkata, perkembangan itu membolehkan BPR meneruskan siasatan terutama berkaitan penyelewengan Perwaja.

Ditanya sama ada kerajaan akan mendedahkan pemilik akaun wang haram di bank Swiss, Dr Mahathir berkata:

"Kita bukan nak cari pendedahan, kita nak cari kes. Ini bukan politikal, benda ini kalau cukup bukti ia akan dibawa ke mahkamah dan dibicarakan, masa itu pendedahan terpaksa dibuat," katanya.

Mengenai perkembangan siasatan BPR yang mendapat kerjasama pihak berkuasa Switzerland itu, Perdana Menteri berkata beliau diberitahu oleh BPR siasatan masih dijalankan.

Katanya, BPR tidak perlu memaklumkan kepadanya setelah mendapat maklumat, sebaliknya boleh mengambil tindakan terus.

Kerjasama itu diperoleh setelah lawatan Dr Mahathir ke Switzerland pertengahan tahun ini apabila pihak Bern membuat keputusan untuk memberi kelonggaran dalam kes tertentu membabitkan kegiatan jenayah dan rasuah.

Mengenai kenyataan kekesalan kedutaan Amerika Syarikat terhadap kesulitan atau layanan tidak wajar terhadapnya dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam lawatan mereka ke negara itu baru-baru ini, Dr Mahathir berkata ia sudah memadai.

"Memadai... cukuplah, bagi saya memadai. Saya tak sebut perkara ini sehingga apa yang berlaku pada Datuk Abdullah. Saya pergi Amerika dah lama dah... benda ini berlaku dah lama dah, saya tak sebut pada sesiapa pun.

"Tetapi apabila berlaku pada Pak Lah, saya nampak ini satu trend yang tidak sihat, tidak hormati orang sama sekali. Takkan saya nak bawa bom dalam kapal terbang kerajaan. Nampak kasar sikitlah cara dia itu," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kerajaan tidak membuat bantahan kerana ia menjadi hak negara itu dan sesiapa yang tidak suka cara itu, jalan terbaik ialah mengelak daripada mengunjungi Amerika Syarikat.

Ditanya sama ada perlu bagi dunia Islam terutama menerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bersemuka dengan pentadbiran Presiden George W Bush bagi menangani segala isu berkaitan umat Islam yang semakin diberi layanan buruk, beliau berkata agak sukar bagi orang lemah jumpa orang kuat'.

"Saya berpendapat orang yang lemah, bila jumpa orang yang kuat, dia cuma boleh bercakap saja. Sama ada dengar atau tidak, itu soal dia. Kita dah bercakap, dia pun tahu... tak perlu OIC, semua negara Islam tak setuju dengan cara ini," katanya.